

UMP fail paten terbanyak

UMP (Pahang)
Khamis 21/4/11
ms. 27

KUANTAN 20 April - Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menjadi antara institusi yang memfailkan paten terbanyak dengan jumlah 42 paten pada tahun lepas.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, selain itu, UMP turut memfailkan empat paten di Amerika Syarikat serta satu cap dagangan, satu reka bentuk industri dan dua hak cipta.

"UMP telah mula melindungi harta inteleknya sejak 2008 dengan jumlah paten yang difailkan sebanyak empat. Seterusnya pada 2009 sebanyak 49 paten berjaya difailkan," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmey Mohd. Taib.